

'Realisasikan Malaysia jadi hab pendidikan'

BH- 21/2/2006

PUTRAJAYA: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed meminta semua kakitangan kementerian bekerja sebagai satu pasukan supaya usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan rantau ini dapat direalisasikan.

Beliau meminta kakitangan memberikan sokongan dan kerjasama seperti yang diberikan kepada bekas Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

"Saya yakin Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai satu pasukan yang hebat dan berharap kerjasama Shafie sebelum ini turut diberikan kepada saya dan Timbalan Menteri yang baru, Datuk Ong Tee Kiat," katanya kepada pemberita selepas majlis serah tugas di lobi kementerian, di sini, semalam.

Hadir sama Dr Shafie; Ong; bekas timbalan menteri, Datuk Fu Ah Kiow; Ketua Setiausaha kementeri-

an, Datuk Dr Zulkefli Hassan; dan Setiausaha Parlimen, Datuk Dr Adham Baba.

Mustapa yang turut bangga kerana diberi peluang menerajui kementerian yang dianggapnya mantap berkata, kegigihan Shafie ketika mengemudi kementerian yang ditubuhkan selepas pilihan raya umum 2004 itu dapat dilihat berikutan kejayaan mewujudkan pasukan kakitangan yang berdaya saing.

"Saya tahu banyak cabaran terpaksa dihadapi Shafie ketika kementerian ini baru ditubuhkan, tetapi beliau berjaya melepasi semua halangan itu," katanya.

Sementara itu, Shafie menyatakan terima kasihnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana memberinya peluang berkhidmat dan yakin Mustapa mampu menerajui kementerian itu dengan baik.



BERTUKAR TANGGUNGJAWAB: Mustapa (kanan) diiringi Dr Shafie pada majlis penyerahan tugas Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya, semalam.